

BENCANA BANJIR PUING 2021: IMPLIKASI DASAR DAN RESPON PENGURUSAN HUTAN NEGARA

Ibrahim Komoo¹, Che Aziz Ali¹ & Abd Rasid Jaafar¹

¹Geopark & Geotourism Creative Solutions Sdn. Bhd (MALAYSIA)

E-mails: ikomoo@yahoo.com; caa@ggcs.com.my; arjaapar@gmail.com

Abstrak

Bencana Alam Banjir Puing 18 Disember 2021 yang menyebabkan 55 kematian, 136,000 orang dipindahkan dan kerosakan harta benda menjangkau 6.1 bilion ringgit berpunca daripada proses geologi berangkai di kawasan hutan primer di Banjaran Titiwangsa. Bencana geologi ini dicetus oleh fenomena hujan ekstrem berkaitan dengan gabungan Lekukan Tropika dan Luruan Monsun Timurlaut. Ratusan gelinciran tanah dan puluhan aliran puing berlaku di kawasan perbukitan bercerun curam, dan disusuli dengan bencana banjir puing dan hakisan tebing di lembah perbukitan Sg Lui, Sg Benus, Sg Telemung dan Sg Triang. Ini diikuti pula dengan fenomena banjir lumpur dan banjir monsun di dataran rendah di Sungai Langat, Sungai Kelang dan Sungai Pahang. Bencana berasas banjir ini adalah yang terbesar pernah dialami negara. Peristiwa ini memberikan implikasi besar terhadap pengurusan lembah sungai bersepadu. Antara pengajaran penting yang perlu diberikan perhatian ialah bencana alam yang tercetus akibat 'proses geologi berantai' serta puncanya di kawasan Hutan Simpan Kekal. Dalam konteks ini, pendekatan pengurusan hutan secara bersepadu yang melibatkan pengurusan sumber hutan, sumber air dan strategi pengurangan risiko bencana perlu diperkenalkan. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia boleh menjadi agensi peneraju dalam penyelesaian isu ini. Kertas ini akan menghuraikan fenomena bencana, mencadangkan intervensi dasar dan strategi pengurusan ke arah pengurusan hutan di kawasan tanah tinggi secara bersepadu.

Kata Kunci: Bencana Alam, Banjir Puing, Proses Geologi Berantai